



KENYATAAN MEDIA

IPOH FOOD FESTIVAL (IFF) 2019 – PROMOSI HASIL TANAMAN DAN PRODUK MAKANAN PERAK

Suka cita dimaklumkan bahawa kerajaan negeri Perak akan mengadakan program '*Ipoh Food Festival*' (IFF) dari tempoh bulan April sehingga Mei, termasuk '*Ipoh Coffee Festival*' yang akan berlangsung pada 04hb Mei 2019 di sepanjang Kinta River Walk. Inisiatif ini merupakan usaha kerajaan dalam mempromosi produk makanan setempat serta menggalakkan penggunaan hasil tanaman keluaran negeri Perak. Selain daripada menarik pelancong, kami berharap agar program ini memberi peluang serta meningkatkan keyakinan usahawan tempatan terutamanya golongan belia dalam menceburi bidang tanaman serta kulineri.

IPOH FOOD FESTIVAL 2019 & IPOH COFFEE FESTIVAL

Sambutan *Ipoh Food Festival 2019* ini akan ditonjolkan melalui 3 unsur menarik iaitu *Farmer's Market* (Pasar Tani), *Taste of Perak* (Bazaar makanan tempatan) serta '*Ipoh Coffee Festival*'. *Farmer's Market* dan *Taste of Perak* akan berlangsung pada 27hb April 2019. Tujuan *Farmer's Market* serta *Taste of Perak* ialah untuk mempamerkan hasil tanaman serta produk makanan yang berasal dari negeri Perak. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang disediakan termasuk bengkel masakan, bengkel kraf tangan serta demo masakan oleh tukang masak terkenal. '*Ipoh Coffee Festival*' pula mendedahkan pengunjung kepada jenis-jenis kopi traditional serta budaya kopi yang boleh didapati dalam pasaran tempatan.

KONSEP MESRA ALAM

Seluruh program ini akan dijalankan berasaskan konsep mesra alam. Para pengunjung yang menyertai *Ipoh Food Festival* digalakkan untuk membawa bekas makanan sendiri

bagi mengurangkan penggunaan plastik serta mengelakkan kaedah pembungkusan yang tidak berunsurkan kelestarian (*sustainable*).

LAWATAN KE PASAR BERSAMA-SAMA EXCO

Sebagai salah satu program kecil sebelum sambutan Ipoh Food Festival 2019 pada 27hb April, satu lawatan ke pasar tempatan terpilih akan dijalankan pada 20hb April 2019. Saya akan turun padang bersama-sama chef jemputan ke pasar tempatan supaya orang ramai sedar akan pilihan produk tanaman serta bahan masakan tempatan yang berkualiti sebenarnya berdekatan dengan kita. Maklumat lanjut program ini akan diumumkan dalam laman Facebook IFF.

PENDAFTARAN GERAI & PERTANDINGAN FACEBOOK

Di sini, Ipoh Food Festival (IFF) menjemput pengusaha-pengusaha gerai yang berminat untuk menyertai IFF melalui pendaftaran di pautan yang disediakan (rujuk lampiran). Tarikh tutup untuk pendaftaran adalah 15hb April 2019. Pihak jawatankuasa akan menghubungi gerai yang berjaya selepas melalui proses pemilihan. Selain itu, anda juga boleh mengikuti laman FB Ipoh Festival (pautan dilampirkan) bagi mengetahui perkembangan terkini tentang IFF. Facebook IFF akan mengadakan pertandingan dari semasa ke semasa. Pemenang-pemenang berpeluang untuk makan secara percuma di bazaar Taste of Perak pada 27hb April nanti.

-Tamat-

YB HOWARD LEE CHUAN HOW

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia dan Sukan
Kerajaan Negeri Perak
02 April 2019



媒体文告 (译文)

“2019 怡保美食节” 推广霹靂州特色食材美食

为配合即将在 4 月 27 日进行的 2019 怡保美食节，霹靂州政府将在来临的 4 月至 5 月期间，推行一系列与美食有关的活动，包括 5 月份的怡保咖啡节等。州政府此举旨在推广州内高素质的农产品以及著名特色美食。希望藉由此活动除了可吸引游客前来朝圣之外，让有意或现有从事农产也或饮食业者，尤其年轻一代，更具信心往这一方面开拓新商机。

2019 怡保美食节和怡保咖啡节

怡保美食节将透过三大元素进行，分别为农作市场、霹靂州美味市集以及怡保咖啡节。农作市场和霹靂州美味市集将在 4 月 27 日位于近打河畔进行。这两项活动旨在提供本土特产及食品一个推广平台。市集进行的同时，现场将设有各种与美食有关的工作坊以及著名厨师分享会等让民众参与。订于 5 月 4 日进行的怡保咖啡节则是一个让咖啡爱好者一次过尝尽怡保传统咖啡以及各式手工咖啡的好机会。

注入环保概念

怡保美食节将全程注入绿色环保概念。在此呼吁参与的民众在出席美食节活动时，自备食物或饮料容器，以便减少丢弃一次性容器和降低活动制造的垃圾量。

与行政议员走访巴刹

作为怡保美食节宣传活动的一部分，我们将在 4 月 20 日安排行政议员和特邀嘉宾厨师与民众一同走入巴刹，让大家了解高品质的本土食材，其实就在你我身边，唾手可得。欲知更多详情可留意怡保美食节面子书。

怡保美食节摊位报名以及面子书迷你比赛

怡保美食节诚邀有意在美食节当日经营摊位的业者透过网上登记。摊位登记将开放至4月15日结束。经过筛选后，工委会将逐一联络入选的摊位。有兴趣的民众也可以通过怡保美食节面子书追踪活动最新消息。此外，怡保美食节也将透过面子书网页进行有奖游戏，优胜者可赢取在4月27日当天于美食市集免费用餐的机会。

-全文完-

*此文翻译自国文，若有误差，一切以国文为准。

媒体欲取得详情，请联络：

李于芊 YC Lee

电话：+6010 232 3641

电邮：yichien23@gmail.com

(2019年04月02日)